

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID [Pengerang]
SOALAN :**

YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah nisbah seorang doktor kepada populasi terkini di Malaysia. Adakah kita menghadapi masalah daripada segi kekurangan doktor.

Tuan Yang di-Pertua,

Nisbah doktor kepada penduduk yang terkini yang telah dicapai oleh Negara pada tahun 2012 ialah 1: 758. Buat masa ini, sasaran nisbah doktor kepada penduduk bagi tahun 2015 adalah 1:600 dan sasaran menjelang 2020 ialah 1:400. Adalah dijangkakan dengan pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan selain kepulangan lulusan perubatan dari institusi- institusi luar negara, dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun maka dijangkakan bilangan doktor untuk keperluan negara dapat dicapai secara berperingkat.